



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA SELANGOR**

**KENYATAAN PERMOHONAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SECARA TENDER TERBUKA**

**TAWARAN PELUPUSAN TANAH KERAJAAN SELUAS 3700.20 METER PERSEGI DI PLOT 1 KG. BERJUNTAI TIN BESTARI JAYA DAERAH KUALA SELANGOR SECARA TENDER TERBUKA**

**TANAH UNTUK PEMBERIMILIKAN**

Tawaran ini adalah terbuka kepada Individu dan Syarikat yang boleh dilupuskan tanah seperti yang dijelaskan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Perihal tanah adalah seperti berikut :-

1. Lokasi Tanah : Kg. Berjantai Tin, Bestari Jaya Daerah Kuala Selangor
2. Pelan Tapak : Pelan Pejabat Tanah Bil.PTKS.04/02/PB01/03/042021 seperti dilampirkan
3. Harga Pasaran : RM170.00 semester persegi
4. Butiran Tanah :
  - a) Luas : Lebih kurang 3700.20 meter persegi
  - b) Kategori : Bangunan
  - c) Syarat Nyata : Bangunan Kediaman
  - d) Dasar / Polisi Kerajaan Negeri yang perlu dipatuhi bagi sebarang cadangan pembangunan:
    - i. Merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Bil.6/2020 bertarikh 12 Februari 2020 permohonan pelupusan tanah ini perlu dibuat secara tender terbuka selaras dengan Pekeliling PTGS Bil.6/2010 dan Arahan PTGS Bil.3/2016.; dan
    - ii. Pelan Akui yang disahkan oleh Pengarah Jabatan Ukur Dan Pemetaan Selangor
5. Petender yang berjaya adalah dikehendaki mendepositkan 10% daripada harga tawaran dalam bentuk bank deraf atas nama Bendahari Negeri Selangor semasa mengembalikan Surat Setuju Terima (Lampiran D) dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan. Baki 90% harga tawaran dan lain-lain bayaran yang disyaratkan hendaklah/perlu dibayar dalam tempoh Notis Borang 5A. Sekiranya baki bayaran 90% tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran deposit 10% akan dimasukkan sebagai hasil Negeri.

Bagi yang berminat, sila dapatkan dokumen tender **PB NO. 13/2022** dengan harga RM50.00 daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dengan mengemukakan harga yang hendak ditawarkan.

Sila kemukakan permohonan kepada:

**PENGARAH  
PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
TINGKAT 4, BANGUNAN SSAAS  
40503 SHAH ALAM**

**TARIKH TUTUP: 25 SEPTEMBER 2022** (pada atau sebelum jam 12.00 tengahari - Tiga puluh (30) hari daripada tarikh kenyataan ini disiarkan.

  
.....  
(PENTADBIR TANAH)  
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA SELANGOR

Tarikh : 18 Ogos 2022

